



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT
ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

**17 OKTOBER 2019
KOMPLEKS PELANCONGAN SUNGAI MERBOK (JETI SEMELING),
SUNGAI PETANI, KEDAH**

Salam Sejahtera

Terima kasih Saudara/ri Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir
Menteri Besar Kedah

Yang Berbahagia Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Yang Berbahagia Dato' Mohd Ridza Awang
Ketua Pengarah Perhutanan
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berusaha Tuan Haji Roslan Rani
Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Kedah Darul Aman

Yang Berhormat
Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah Darul Aman

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat

Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri

Pengarah-Pengarah, pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan

Dif-dif Jemputan

Wakil-wakil Media

Serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah atas kesudian untuk menjadi tuan rumah kepada Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar kerana dapat meluangkan masa untuk menyampaikan sepatah dua kata seterusnya menyempurnakan perasmian sambutan ini sebentar lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang telah dapat meluangkan masa untuk hadir bersama-sama bagi memeriahkan lagi majlis sambutan pada pagi ini.

2. Kehadiran pemimpin tertinggi peringkat Negeri dalam Majlis seperti ini amat bermakna kerana ianya menzahirkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Negeri yang tinggi terhadap sektor perhutanan, khususnya dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan yang merupakan khazanah negara yang amat berharga. Ianya juga penting dalam memastikan kerjasama dan kesefahaman yang terjalin di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan terus utuh bagi memastikan khazanah hutan Negara akan terus diuruskan secara berkekalan untuk kesejahteraan hidup masyarakat generasi hari ini dan masa hadapan.

3. Dalam hal ini, saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah baru-baru ini telah mewartakan beberapa kawasan di Negeri ini termasuklah kawasan Hutan Paya Laut dengan jumlah keluasan 606 hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini

untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Kedah di atas usaha murni yang telah dilaksanakan dalam memelihara kawasan berhutan. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan pokok-pokok dan kawasan berhutan.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

4. Sepertimana yang diketahui umum, tarikh 26 Julai telah dipilih sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) semasa Persidangan Ke-38 UNESCO pada 6 November 2016 di Paris. Perisytiharan ini dibuat bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dunia tentang perihal pentingnya ekosistem Hutan Paya Laut sebagai “ekosistem yang unik, istimewa dan mudah terancam” serta menggalakkan pengurusan, pemuliharaan dan penggunaan lestari ekosistem hutan paya laut.

5. Kita telah sedia maklum bahawa hutan paya laut merupakan salah satu khazanah alam yang unik dan kaya dengan sumber-sumber semula jadi dan kepelbagaiannya biologi yang tersendiri. Dalam hal ini, Hutan Paya Laut memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan perkhidmatan ekosistem termasuk sebagai benteng semula jadi untuk memecah, menahan dan mengurangkan kesan tiupan angin dan pukulan ombak laut. Di samping itu, Hutan Paya Laut turut menyumbang faedah-faedah lain yang tidak ternilai seperti kestabilan iklim dan pewujudan kawasan-kawasan rekreasi dan ekopelancongan yang dapat merancakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat tempatan jika diuruskan secara optimum. Walau bagaimanapun, berdasarkan anggaran semasa, kadar kehilangan kawasan ini adalah 3 hingga 5 kali lebih tinggi daripada kadar kehilangan kawasan berhutan global

yang memberikan impak yang serius kepada sistem ekologi dan sosio ekonomi tempatan.

6. Kesannya dapat kita lihat sendiri melalui kejadian tsunami pada 15 tahun lalu yang turut melanda Negeri Kedah, khususnya di kawasan Pantai Kuala Muda. Saya difahamkan bahawa pemilihan Negeri Kedah sebagai tuan rumah kepada Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun ini juga adalah bersempena memperingati kejadian tsunami tersebut. Sebagai makluman semua, bertitik tolak daripada tragedi tersebut, Kerajaan Persekutuan komited dalam memelihara dan memulihara kawasan Hutan Paya Laut melalui Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Bersesuaian di Pesisiran Pantai Negara.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

7. Saya dimaklumkan bahawa sehingga bulan Julai 2019, seluas 2,887.63 hektar kawasan pesisiran pantai di seluruh negara telah ditanam dengan sebanyak 6.6 juta pokok di bawah Program ini. Program yang melibatkan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kementerian-Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan, jabatan-jabatan perhutanan negeri di seluruh Malaysia serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) ini melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM54.9 juta sejak mula pelaksanaannya pada tahun 2005. Peruntukan ini digunakan untuk aktiviti penanaman dan penyelenggaraan tanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pemantauan dan program pengembangan serta kesedaran awam.

8. Usaha yang sedang dilaksanakan tidak akan mencapai kejayaan tanpa sokongan padu dan komitmen daripada pelbagai pihak khususnya kerajaan-

kerajaan negeri, NGO dan masyarakat tempatan. Tentunya komitmen seperti ini memerlukan kerjasama yang erat di antara rakyat dengan kerajaan dan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Justeru, saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sokongan dan kerjasama berterusan ini. Saya juga berharap agar sinergi dan komitmen tidak berbelah bahagi ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan Hutan Paya Laut di bawah Program ini tidak terhenti dan kawasan-kawasan yang telah dipulihara tidak sewenang-wenangnya dimusnahkan oleh gejala pencerobohan mahupun untuk tujuan pembangunan guna tanah yang lain.

9. Saya juga dimaklumkan bahawa, bersempena dengan Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 ini, satu Seminar Hutan Paya Laut Dan Persisiran Pantai Kebangsaan juga telah diadakan pada 10 dan 11 September 2019 yang lalu di Sungai Petani. Saya berharap hasil dapatan seminar itu dapat diaplikasikan dalam menambahbaik amalan pengurusan hutan terutamanya kawasan Hutan Paya Laut di Malaysia seterusnya dapat memberi manfaat yang berguna kepada rakyat.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

10. Pada hemat saya, sumber kekayaan baharu daripada Hutan Paya Laut perlu diterokai dan dimanfaatkan, terutamanya dalam aspek pelancongan dan biodiversiti. Ruang masih terbuka luas untuk kita menerokai dan memanfaatkan sumber hutan yang tidak ternilai ini secara mampan yang dilihat akan dapat membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.

11. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dan bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 khususnya kepada YAB Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, jabatan dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat tempatan. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan sambutan kali ini.

**Selamat Menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut
Antarabangsa Tahun 2019.**

Sekian, terima kasih.